

**Laporan Awal PSC Dibentangkan Di Dewan Rakyat Pada Khamis
Bernama
1 Disember, 2011**

KUALA LUMPUR, 1 Dis (Bernama) -- Laporan awal Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Berhubung Penambahbaikan Proses Pilihan Raya (PSC) dibentangkan untuk dibahasakan di Dewan Rakyat pada Khamis.

Pengerusi jawatankuasa itu Datuk Seri Dr Maximus Ongkili berkata selepas dua sesi pendengaran awam, sebanyak 10 perkara utama telah diambil untuk menjadi syor awal laporan bagi menambah baik sistem dan proses pilihan raya di negara ini.

Beliau berkata cadangan dan syor yang dimasukkan ke dalam laporan awal PSC itu telah dipersetujui sebulat suara oleh semua anggota tanpa perlu untuk melakukan pengundian belah bahagian.

"Perkara-perkara yang dipersetujui yang diangkat untuk pertimbangan Dewan yang mulia ini adalah perkara-perkara yang dikenal pasti sebagai khusus, penting dan perlu disegerakan untuk tindakan dan pelaksanaan oleh pihak Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), badan-badan dan agensi-agensi yang berkaitan.

"Perkara-perkara yang belum dipersetujukan bersama akan dipertimbangkan kelak setelah menerima pandangan dan input dari pihak awam melalui empat lagi sesi pendengaran awam.

"Ketetapan oleh jawatankuasa mengenai hal-hal tersebut akan dimasukkan dalam laporan akhir laporan ini kelak," katanya ketika membentangkan laporan itu.

Menurut beliau, melalui dua sesi pendengaran awam, lebih 40 cadangan dan idea yang baik telah dikemukakan oleh pihak awam untuk dipertimbangkan oleh jawatankuasa tersebut.

Jelasnya, pada sesi pendengaran awam di bangunan Parlimen pada 11 dan 12 Nov lepas, jawatankuasa itu telah menemui 26 pertubuhan dan persatuan berdaftar serta individu manakala pada 25 dan 26 Nov di Kota Kinabalu, jawatankuasa telah menemui 27 pertubuhan dan persatuan serta individu di Kompleks Pentadbiran Persekutuan Sabah.

"Jawatankuasa mengesyorkan agar semua syor yang terkandung dalam usul ini dilaksanakan dalam pilihan raya umum ke-13," kata Ongkili.

Sepuluh cadangan yang dikemukakan itu ialah mengenai penggunaan dakwat kekal pada pilihan raya umum ke-13; pengundian awal; pengundi tidak hadir luar negara; pengundi luar kawasan dan penukaran kawasan pendaftaran.

Cadangan turut menyentuh mengenai pembersihan daftar pemilih; pameran rang daftar pemilih tambahan; ketelusan proses mengundi; penambahbaikan proses pencalonan; dan pengukuhan SPR.

Mengenai pembersihan daftar pemilih, laporan tersebut menjelaskan bahawa jawatankuasa berkenaan mengambil maklum tentang usaha berterusan SPR dalam membersihkan daftar

berkenaan termasuk mempamerkan nama pemilih yang rekodnya tidak dapat dipastikan kesahihannya.

Bagaimanapun, jawatankuasa mengambil maklum bahawa masih terdapat keraguan tentang daftar pemilih yang bersih, khususnya di Sabah mengenai nama yang didakwa tidak layak berada dalam daftar pemilihan atau apa jua sebabnya.

Sehubungan itu, jawatankuasa mengesyorkan supaya SPR melantik Mimos Berhad (Mimos) untuk membuat verifikasi terhadap isu seperti dua orang pemilih dengan satu kad pengenalan yang sama; pengundi yang sudah meninggal dunia tetapi masih berada dalam daftar pemilih; dan pemilih bukan warga tempatan.

Isu lain yang turut dibangkitkan ialah mengenai pengundi yang berumur 90 tahun ke atas; ramai pemilih dalam satu alamat; dan pengundi hilang kelayakan.

Jawatankuasa itu turut mengambil maklum terhadap permintaan dan desakan pelbagai pihak ketika pendengaran awam diadakan di Sabah, supaya Suruhanjaya Diraja ditubuhkan bagi menyiasat dakwaan rakyat asing memperoleh status kewarganegaraan dan terbabit dalam proses pendaftaran pemilih khasnya di negeri itu.

Walaupun perkara berkenaan adalah luas dan luar daripada terma rujukan jawatankuasa itu, namun dicadangkan supaya Suruhanjaya Diraja ditubuhkan sebagai langkah penyelesaian jangka panjang.

Berhubung penambahbaikan proses pencalonan, jawatankuasa itu mengesyorkan supaya proses bantahan pada hari penamaan calon dimansuhkan selain mencadangkan tempoh penarikan balik pencalonan dibatalkan.

Penubuhan jawatankuasa itu diluluskan Dewan Rakyat pada 3 Okt lepas dan ia dianggotai sembilan Anggota Parlimen yang mewakili Barisan Nasional (BN), pakatan pembangkang dan Bebas.

BN diwakili lima wakil rakyat manakala pembangkang (tiga) dan Bebas (satu).

Jawatankuasa itu mengadakan lima mesyuarat bagi membincangkan pelbagai perkara selain mengadakan sesi pendengaran awam bersama wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan individu.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=631074>